

Syirik dosa terbesar, penyebab hancur segala amalan

B14 6/6/12 MS 5

Oleh Hashim Ahmad

ALLAH mengutuskan seorang rasul agar mengajak kaumnya kepada tauhid, yakni memurnikan ibadah dan penyembahan hanya kepada Allah semata.

Perintah untuk bertauhid ini berupa larangan keras daripada berbuat syirik atau menyekutukan Allah dengan selain-Nya. Seluruh ulama sepakat mengatakan bahawa tiada amalan yang paling utama melebihi tauhid dan tidak ada dosa paling besar yang melebihi syirik.

Syirik adalah dosa terbesar di antara dosa besar, amal perbuatan yang terburuk, kezaliman yang paling besar dan menjadi sebab hancurnya seluruh amalan seseorang. Syirik juga dosa yang tidak diampun. Firman Allah SWT bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik dan Dia mengampuni segala dosa yang selain daripada (syirik) itu bagi siapa yang dikehendaki-Nya."* (Surah An-Nisa: Ayat 48).

Orang yang berbuat syirik, bererti dia berada dalam kesesatan yang sangat jauh. Firman Allah SWT bermaksud: *"Barang siapa yang*

mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, sesungguhnya ia telah tersesat sejauh-jauhnya." (Surah An-Nisa: Ayat 116).

Allah SWT telah menyatakan haram masuk syurga bagi pelaku syirik. Firman Allah SWT bermaksud: *"Sesungguhnya orang yang mempersekutukan (sesuatu dengan) Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka, tidaklah ada bagi orang zalim itu seorang penolong pun."* (Surah al-Maidah: Ayat 72).

Menyedari hakikat ini, maka berwaspada dan berhati-hatilah daripada perbuatan syirik, baik syirik besar mahupun syirik kecil. Syirik besar ialah seperti meminta dan berdoa kepada selain Allah, meyakini ada pencipta dan pemelihara alam selain Allah, berkeyakinan bahawa selain Allah ada yang berhak diibadahi, dan masih banyak lagi contoh lainnya.

Namun, syirik kecil terkadang terlepas daripada perhatian kita. Masih ada sebahagian kaum Muslimin yang terjebak dalam syirik kecil tanpa mereka sedari. Syirik kecil adalah antara hal yang sangat dikhuatirkan Rasulullah SAW dan dapat menjadi wasilah atau peran-

tara kepada syirik besar.

Walaupun syirik kecil ini tidak menyebabkan pelakunya keluar daripada Islam dan tidak menyebabkan kekal di neraka, tetapi ia kaba'ir atau dosa besar. Syirik kecil termasuk salah satu dosa besar, bukan dosa kecil.

Antara contoh bentuk syirik kecil ialah riak dalam beribadah, iaitu seseorang melakukan sesuatu ibadah atau bentuk pendekatan diri kepada Allah, namun di samping itu dia bertujuan agar dilihat atau dipuji oleh sesama manusia. Riak adalah bentuk syirik tersembunyi (syirik khafi) yang sangat dikhuatirkan oleh Rasulullah SAW menimpa sahabat baginda.

Antara cara berlindung kepada Allah daripada syirik, baik syirik yang kita ketahui mahupun yang tidak kita sedari ialah dengan sentiasa memperbaiki niat dan keikhlasan dalam setiap amal perbuatan yang kita lakukan. Allah lah yang paling berhak mendapat segala bentuk peribadatan.

Antara bentuk syirik kecil ialah bersumpah dengan menyebut selain Allah. Hal itu termasuk dalam keku-
furan atau kesyirikan. Rasulullah

bersabda bermaksud: "Barang siapa yang bersumpah dengan selain Allah maka sungguh dia telah kafir atau telah syirik." (Hadis Riwayat: Abu Dawud dan at-Tirmidzi).

Ucapan juga boleh membawa kepada syirik kecil seperti ucapan: "Atas kehendak Allah dan kehendak anda" atau ucapan "Kalau bukan kerana Allah dan si polan", "Ini adalah berkat pertolongan Allah dan si polan," serta ucapan semisal itu, yang intinya ada pensejajaran antara Allah dan manusia.

Ucapan seperti ini adalah ucapan syirik. Oleh itu ia harus diluruskan. Yang benar daripada ucapan di atas ialah: "Atas kehendak Allah kemudian kehendak anda" atau: "Kalau bukan kerana Allah kemudian kerana anda," atau, Berkat pertolongan Allah kemudian pertolongan anda" demikian seterusnya.

Contoh lain syirik kecil ialah 'tathayyur', iaitu berasa sial atau naas kerana melihat jenis burung atau binatang tertentu, atau berasa sial dengan angka, hari dan tanggal tertentu.

Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Thiyarah ialah syirik, thiyarah adalah syirik dan tidak ada seorang

pun daripada kita, kecuali Allah Azza Wajalla menghilangkannya dengan tawakal." (Hadis Riwayat Abu Dawud dan at-Tirmidzi).

Perbuatan syirik kecil lain ialah memakai gelang daripada benang dan lainnya kepada anak dengan tujuan untuk menolak bahaya atau bala, memakai dan menggantungkan azimat tertentu untuk mencegah pengaruh lain dan mendatangkan keberuntungan dan yang semisa dengannya".

Ia adalah bentuk kesyirikan kepada Allah kerana ia mengotori tawakal dan mencemari tauhid kita kepada Allah. Sabda Rasulullah SAW mengenai orang yang memakai azimat yang bermaksud: "Barang siapa yang menggantungkan azimat maka dia telah syirik." (Hadis Riwayat: Ahmad).

Dalam masalah azimat ini, ia termasuk dalam kategori syirik kecil jika pemakainya berkeyakinan bahawa azimat itu hanya adalah sebab atau sarana saja. Jika dia bergantung secara mutlak dan berkeyakinan bahawa azimat itu dapat memberi perlindungan, maka pemakainya telah terjerumus dalam syirik akbar.